ucapan : ADHO 572 191/80

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK HUSSEIN ONN, DIPEMBUKAAN RESMI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN PANDUAN PELAJARAN DAN KERJAYA UNTUK GURU-GURU BESAR DAN GURU_GURU SEKOLAH BERASRAMA PENOH, DI-FAKULTI SAINS UNIVERSITI MALAYA PADA 2hb APRIL, 1973 JAM : 3.30 petang

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita berkumpul di sini hari ini, untuk menyaksikan pelancaran satu lagi daripada beberapa rancangan untuk memajukan pelajaran di negara kita. Konsep Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya, telahpun diterima di banyak negara. Kehaziran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, adalah melambangkan kepercayaan kita bahawa konsep tersebut boleh diterima dalam sistem pelajaran negara kita. ~~hari ini~~.

2. Saya berharap bahawa Kursus Panduan Pelajaran dan Kerjaya yang tuan-tuan dan puan-puan haziri ini, akan memberikan gambaran dan juga dorongan supaya memahami murid-murid dan juga kesedaran terhadap perbezaan antara tiap-tiap individu. Berdasarkan ini, tuan-tuan dan puan-puan dapat dilahirkan sebagai seorang guru, penasihat dan pentadbir yang baik. Adalah menjadi tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan, untuk mempastikan cara hidup peringkat remaja murid-murid itu, dibentuk untuk ke alam kematangan dan juga dewasa dengan cara mewujudkan persefahaman antara yang belajar dan mengajar.

3. Ini membawa kita kesatu soalan yang agak penting. "Apakah yang seharusnya dapat dilakukan oleh Panduan Pelajaran dan Kerjaya di sekolah-sekolah yang boleh membantu tujuan pendidikan". Saya difahamkan bahawa, kedua-dua perkhidmatan Panduan dan Kerjaya adalah diarahkan untuk mendalami masaalah-masaalah yang ditempohi oleh seorang kanak-kanak apabila melalui alam remaja. Dan lebih penting lagi, adalah bertujuan untuk membimbing seseorang individu itu mencari jalan ~~untuk~~ supaya dapat mengatasi masaalah-masaalah hidup - peribadi, pendidikan dan pekerjaan.

4. Tuan-tuan dan puan-puan. Kementerian Pelajaran akan sentiasa meneliti segala usaha-usaha yang harus dilakukan oleh tuan-puan. Kita telah menumpukan banyak tenaga dan kewangan ~~untuk~~ kerana mendirikan sekolah tuan-puan. Satu pasukan penilai, yang terdiri dari pakar-pakar perunding UNESCO, telahpun ditugaskan ~~untuk~~ supaya mengkaji berkenaan perkembangan Sekolah Berasrama Penuh. Kita tidak boleh gagal. Kita mesti mencapai matlamat untuk mendapat tenaga-tenaga manusia yang perlu ~~untuk~~ kerana perkembangan teknoloji di negara ini.

5. Tugas seseorang pentadbir dan konseler, tidak boleh dipisahkan. Soal duplikasi dalam tugas-tugas mereka tidak akan timbul, sekiranya tiap-tiap seorang itu sedar mengenai tugas masing-masing. Untuk mencapai kejayaan, mereka memerlukan satu sama lain.

6. Saya juga telah diberitahu bahawa, tenaga pengajar ~~untuk~~ kerana kursus ini diambil dari berbagai sumber ~~—~~ dari Jabatan-Jabatan Pelajaran, sekolah-sekolah, MARA dan Universiti Malaya. Langkah-langkah kerjasama antara yayasan-yayasan ini ~~patut~~ adalah dipuji — ini adalah satu sifat yang amat diperlukan untuk negara yang membangun seperti negara kita.

...6/

7. Saya juga diberitahu bahawa dalam kursus ini, tuan-tuan dan puan-puan akan diberi kesempatan, bukan sahaja untuk mengikuti kuliah yang berhubung dengan falsafah dan teknik kerjaya dan panduan, tetapi ~~tuan-tuan~~ akan juga mendengar beberapa pakar dalam jurusan masing-masing. Pakar-pakar ini, akan mengemukakan kepada tuan-tuan ~~untuk~~ supaya mengetahui pelbagai masaalah, seperti "Mengapakah seorang remaja berkelakuan ganas dan menimbulkan masaalah kelakuan?". "Bagaimanakah kita hendak mengetahui seseorang penuntut itu mengambil dadah? "Bagaimanakah dapat kita menolong murid-murid ~~untuk~~ supaya bertindak sendiri dan juga menyelesaikan masaalah mereka?". Saya percaya, lain-lain masaalah seperti ini juga, dapat dibincang dan dihuraikan dalam kursus ini.

8. ~~Saya percaya bahawa~~ Kursus yang tuan-tuan dan puan-puan haziri ini, adalah yang pertamanya daripada satu siri kursus seperti ini yang akan dilancarkan kelak. Tuan-tuan dan puan-puan sekelian harus ketahui bahawa selepas kursus ini, Kementerian Pelajaran akan membuat kerja penilaian untuk mendapatkan garis bahan-bahan penilaian ~~untuk~~ supaya dijadikan panduan pada masa-masa hadapan.

9. Sebagai perintis dalam jurusan ini, tuan-tuan dan puan-puan akan dihubungi ~~untuk~~ supaya memberi pertolongan dan nasihat ~~untuk~~ kerana rancangan yang sama di masa hadapan. Pihak Kementerian juga telah meletakkan kepercayaan kepada tuan-tuan dan puan-puan, supaya menjalankan tugas-tugas dengan lebih dedikasi. Pihak Kementerian juga mengharapkan tuan-tuan dan puan-puan akan mengemukakan maklumat-maklumat yang penting yang ditemui ~~oleh tuan-puan~~ semasa menjalankan tugas di sekolah.

10. Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengecapkan ~~berasa sukacita untuk menyampaikan ucapan~~ tahniah kepada penganjur kursus ini atas kerja-kerjanya. ~~dan atorcara kursus yang amat memuaskan~~. Begitu juga ucapan tahniah saya kepada para peserta yang telah dipilih kerana ~~untuk~~ menghaziri kursus ini. Akhirnya, saya ~~juga~~ ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada sekelian tenaga pengajar kerana memberi sumbangan yang sungguh-sungguh dikehendaki itu. Saya menaruh minat dalam semua corak kerja dan kemajuan tuan-tuan dan puan-puan. Saya sedia memberi galakan dan bantuan. ~~Dari segi moral dan kewangan, tuan-tuan dan puan-puan memperolehi sokongan saya~~.

Dengan ini, saya dengan sukachitanya ~~Sekarang~~ ~~initah~~ ~~saya, dengan sukacitanya~~, merasmikan ~~mengisytiharkan~~ pembukaan Kursus Khas dalam Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya untuk Guru2 Besar dan Guru-Guru Sekolah Berasrama Penuh.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI ★ MALAYSIA ★
AHO/U

No Siri 537
No Penerimaan 182/80